

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN PM 22(5)

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek bangunan gantian Akademik SMK Kanibongan Pitas yang telah terbengkalai lebih 10 tahun akan disiapkan dan apakah perancangan Kementerian dalam melaksanakan projek pembinaan Asrama SMK Kanibongan Pitas dan apakah peruntukan bagi kedua-dua projek ini masih tersedia ataupun telah ditarik balik atau dibatalkan oleh Kementerian Pendidikan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua warga pendidikan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Kanibongan Pitas, Sabah telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2012 dengan peruntukan berjumlah RM29 juta. Sehingga 31 Oktober 2021, projek ini telah mencapai kemajuan kerja sebanyak 95% dan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Januari tahun 2022.

Selain itu, projek pembinaan asrama SMK Kanibongan Pitas, Sabah dengan kapasiti 200 pelajar lelaki dan 200 pelajar perempuan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 RP 1 tahun 2016 dengan peruntukan berjumlah RM25.6 juta. Projek ini masih dalam peringkat pra bina iaitu dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Pelan Pembangunan dan Pelan Bangunan daripada Majlis Daerah Pitas. Setelah kelulusan tersebut diperolehi, projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mei 2022.

KPM akan memantau secara rapi pelaksanaan projek ini bagi memastikan murid khususnya di kawasan tersebut mendapat kemudahan pendidikan yang kondusif.